



## **SOP LEBIH JELAS AKHIR BULAN INI - KHAIRY**

PUTRAJAYA: Prosedur operasi standard (SOP) yang lebih jelas dan mudah difahami akan dikeluarkan, selari peralihan Malaysia memasuki fasa endemik menjelang penghujung Oktober. Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata senarai SOP yang 'menggunung' sebelum ini dilihat banyak mengundang kekeliruan dan polemik dalam kalangan masyarakat.

Sehubungan itu, pihaknya akan menjalin kerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kewangan serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi mengeluarkan garis panduan baharu, menggantikan semua SOP lama.

"Kita akan mulakan usaha memurnikan SOP ini pada minggu depan dan akan dapat keluaran senarai SOP yang lebih mudah untuk difahami menjelang akhir September.

"Selain itu, SOP ini harus jelas dengan menggariskan sekiranya pada fasa endemik, ada kawasan yang merekodkan kes penularan, maka kita rujuk kepada garis panduan kategori kedua dan seterusnya, bergantung kepada kadar jangkitan di tempat berkenaan.

"Sekarang, orang membuang masa merujuk senarai SOP yang panjang untuk mengetahui kedudukan masing-masing," katanya pada sidang media, baru-baru ini.

Menyentuh prestasi liputan vaksin, Khairy mengakui sesetengah kawasan mencatat kadar melebihi 100 peratus kerana Kementerian Kesihatan (KKM) menggunakan statistik bancian penduduk yang lama. Susulan itu, beliau tidak menolak hakikat perangkaan jumlah penduduk yang digunakan dalam penentuan liputan kadar vaksin di kawasan atau negeri tertentu, sebenarnya berada di 'bawah anggaran'.

"Apa yang kita lihat di Kuala Lumpur dan Lembah Klang hari ini, apabila jumlah mereka yang divaksin melebihi 100 peratus daripada populasi adalah pertama, warga asing yang tidak memiliki dokumen dan statistik di bawah anggaran kerana bancian lama.

"Kita anggap sasaran yang digunakan dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di bawah anggaran kerana Jabatan Perangkaan Malaysia (DoSM) tidak dapat melakukan bancian tahun lalu.

"Faktor lain yang mungkin menyumbang kepada perangkaan sebegini ialah migrasi atau perpindahan penduduk dari negeri lain ke Lembah Klang, tetapi tidak dicerminkan dalam rekod statistik terdahulu.

"Ada juga beberapa daerah di Lembah Klang, yang mana statistik menunjukkan hanya 80 peratus penduduk divaksinasi sehingga kini, namun semakin mendapati tidak ada individu yang belum mendapat suntikan pelalian di sana.

"Di daerah lain, kita lihat kadar vaksinasi naik hingga 120 peratus tetapi kita masih lakukan vaksinasi. Jadi kita hanya boleh menganggap ia kerana warga asing," katanya.

[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860177/sop-lebih-jelas-akhir-bulan-ini-khairy?fbclid=IwAR3Tj\\_iMfB0g\\_Bwr3DncDaPV8\\_Atdmt0oT6sdsPMfetJaLCceXQr3VPYIFQ](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860177/sop-lebih-jelas-akhir-bulan-ini-khairy?fbclid=IwAR3Tj_iMfB0g_Bwr3DncDaPV8_Atdmt0oT6sdsPMfetJaLCceXQr3VPYIFQ)